

PERBELANJAAN MAHASISWA IPTA TERHADAP MAKANAN DAN MINUMAN BERGULA

(IPTA STUDENTS EXPENDITURE ON SUGARY FOODS AND BEVERAGES)

ISMAIL, N. A.^{1*} – AZMAN, N. A.¹ – SOBRI, S. H.¹ – JUMADI, R. N.¹

¹ *Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.*

**Corresponding author
e-mail: norasmat[at]jusm.my*

(Received 18th April 2024; revised 09th June 2024; accepted 17th June 2024)

Abstrak. Penyelidikan ini menganalisis corak perbelanjaan mahasiswa IPTA ke atas makanan dan minuman bergula, mengkaji faktor yang mempengaruhinya dan kesan perubahan cukai yang dikenakan dalam pasaran. Seramai 832 orang responden dari seluruh mahasiswa IPTA di Malaysia terlibat dalam kajian ini. Data dikumpul secara maya dan dianalisis secara deskriptif dan regresi. Analisis corak perbelanjaan mahasiswa menunjukkan pengambilan minuman bergula yang tertinggi bagi komponen air bancuh (83.25%) namun dengan kekerapan hanya satu hingga dua kali seminggu dengan perbelanjaan di bawah RM 10 manakala makanan bergula tertinggi adalah bijirin manis (74.08%) dengan kekerapan sekali hingga kedua kali seminggu di bawah perbelanjaan RM 10. Faktor Promosi, Gaya hidup, Rasa dan Pengaruh rakan menunjukkan nilai signifikan, p-value kurang 0.005 mempengaruhi keputusan pembelian ke atas makanan dan minuman bergula. Berdasarkan cukai yang dikenakan dalam pasaran, kesan ke atas mahasiswa menyambut baik dengan menyokong 50.79% usaha kerajaan ke atas makanan dan minuman bergula walaupun pelaksanaan 40 sen/seliter tidak memberi kesan langsung kepada mahasiswa sebagai pengguna.

Katakunci: *minuman bergula, mahasiswa IPTA, promosi, gaya hidup, pengaruh*

Abstract. This research analyzes the spending pattern of IPTA students on sugary food and drinks, examines the factors that influence it and the impact of tax changes imposed on the market. A total of 832 respondents from all IPTA students in Malaysia were involved in this study. Data were collected virtually and analyzed descriptively and regressionally. An analysis of student spending patterns shows the highest consumption of sugary drinks for the mixed water component (83.25%) but with a frequency of only one to two times a week with spending under RM10 while the highest sugary food is sweet cereals (74.08%) with a frequency of once to twice a week under the expenditure of RM10. Factors promotion, lifestyle, taste and influence of friends show a significant value, p-value less than 0.005 influencing the purchase decision on sugary food and drinks. Based on the tax imposed in the market, the impact on students is welcomed by supporting 50.79% of the government's efforts on sugary food and drinks even though the implementation of 40 cents/litre has no direct impact on students on consumers.

Keywords: *sugary beverages, IPTA students, promotion, lifestyle, influences*

Pengenalan

Mahasiswa atau majoriti kelompoknya adalah remaja yang merupakan modal insan yang amat penting dalam mencorakkan masa depan negara kita. Oleh itu, golongan mahasiswa perlu didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan untuk merancang masa depan mereka. Antara ilmu yang perlu didedahkan kepada golongan mahasiswa ialah ilmu menguruskan perbelanjaan ataupun kewangan. Menurut kajian terdahulu, pengurusan kewangan yang cekap dan sistematik amat penting dan perlu diamalkan oleh setiap individu bagi memastikan sumber kewangan yang dimiliki tidak digunakan untuk perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan tidak berfaedah. Golongan mahasiswa

juga tidak terkecuali daripada kemestian ini kerana pada peringkat inilah mereka perlu bijak dalam menguruskan sumber kewangan mereka yang terhad bagi mengelak daripada masalah kewangan yang dapat menjejaskan tumpuan mereka terhadap proses pembelajaran (Sabri et al., 2018). Hal ini dikatakan demikian kerana pada era ini mahasiswa juga telah didedahkan dengan pelbagai gaya hidup di media sosial dan menyebabkan mereka ingin memiliki gaya hidup seperti ditayangkan dengan berbelanja secara berlebihan terutamanya dalam makanan dan minuman bergula. Corak perbelanjaan adalah bagaimana cara seseorang individu menggunakan wang mereka (Greenberger dan Steinberg, 1986). Wang yang tidak dibelanjakan secara berhemah akan menyulitkan golongan remaja akibat daripada kos sara hidup yang semakin meningkat. Dalam kajian Ramlan et al. (2018), menunjukkan terdapat kajian yang menyatakan bahawa perbelanjaan yang berlebihan dalam kalangan pengguna muda telah menyebabkan mereka terjebak dengan hutang. Ramai yang mengambil sikap belanja dulu, fikir kemudian. Fenomena perbelanjaan yang tidak terkawal di kalangan remaja mungkin berlaku kerana perkembangan teknologi semasa. Pada era yang serba moden ini kita dapat lihat golongan mahasiswa di media sosial sanggup menghabiskan wang dengan membeli makanan dan minuman yang viral demi mendapatkan sebuah kandungan atau “content” untuk di muat naik di media sosial. Hal ini berlaku kerana mereka ingin menunjukkan bahawa mereka tidak ketinggalan daripada rakan-rakan yang lain walaupun perlu berbelanja secara berlebihan. Selain itu, makanan dan minuman yang dibeli oleh mereka juga mempunyai kandungan gula yang tinggi seperti kek, kopi, air koktail dan lain-lain lagi.

Makanan dan minuman merupakan suatu keperluan asas dalam kehidupan manusia. Pemakanan ini akan mempengaruhi kesihatan mental, jasmani dan rohani manusia yang berkait rapat dengan diet yang seimbang. Diet yang seimbang bermaksud pengambilan makanan yang cukup untuk keperluan badan yang diperlukan untuk tumbesaran. Makanan yang berkualiti dapat membantu untuk membekalkan zat dan tenaga dan memastikan kesihatan terjamin (Abdullah dan Ali, 2011). Hal ini termasuk keperluan gula yang terkandung dalam makanan dan minuman perlu mengikut kuantiti yang diperlukan oleh badan. Berdasarkan portal Kementerian Kesihatan, keperluan gula yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu tidak melebihi 10 peratus dari jumlah keperluan tenaga harian manusia. *Jadual 1* merupakan saranan bagi pengambilan gula dan gula tambahan dalam makanan atau minuman harian manusia mengikut peringkat umur. Gula tersembunyi atau gula tambahan seperti di dalam kek, biskut, sos, kuih muih, minuman, buah-buahan kering serta makanan dan minuman terproses lain. Berdasarkan panduan pemakanan untuk pesakit obesiti, jem dan coklat adalah produk makanan diabetes kerana ia masih mengandungi gula dan karbohidrat. Kemajuan dalam arus pemodenan kini telah menyebabkan gaya hidup manusia berubah sehingga mereka tiada masa untuk menjaga pemakanan harian. Manusia kini mengambil hal pemakanan secara sambil lewa asalkan mereka dapat makan dan minum tanpa mengambil kira sama ada makanan dan minuman tersebut sihat ataupun tidak. Hal ini menyebabkan mereka menggunakan jalan mudah dengan mengambil makanan dan minuman segera yang bergula tinggi sebagai rutin harian. Makanan segera seperti donut dan minuman 3 dalam 1 adalah makanan dan minuman yang telah diproses dan mengandungi kuantiti gula yang tinggi sebagai penambah rasa dalam makanan dan minuman tersebut. Kandungan gula dalam makanan dan minuman tersebut yang menjadi punca utama kepada keburukan masalah kesihatan jika diambil secara kerap. Menurut Tinjauan Pemakanan Orang Dewasa Malaysia (MANS) 10 teratas setiap hari

makanan dan minuman yang digunakan dalam kalangan semua etnik termasuk pencuci mulut tempatan seperti 'kuih' iaitu makanan yang sangat manis, kordial, minuman berperisa coklat, kopi dan teh (Norimah Jr et al., 2008). Selain itu, pengambilan gula masyarakat Malaysia melebihi jumlah pengambilan gula seperti yang disarankan oleh WHO, iaitu sebanyak 10 sudu teh gula sehari. Keadaan ini amat membimbangkan kerana pengambilan gula yang berlebihan akan menjejaskan kesihatan. Kira-kira 55.3 peratus daripada jumlah yang ditambah pengambilan gula oleh orang dewasa disumbangkan oleh minuman yang disediakan sendiri 35 peratus, minuman tidak berkarbonat 11.7 peratus dan minuman ringan berkarbonat (8.6%) (Mahmood, 2017). Pengambilan gula yang berlebihan dalam makanan dan minuman berlaku juga dalam kalangan kanak-kanak. Mahmood (2017) melaporkan kira-kira 30 peratus kanak-kanak mengalami berat badan berlebihan atau obesiti akibat peningkatan pengambilan gula dalam makanan dan minuman. Pengambilan gula yang berlebihan ini juga menjadi masalah kepada kerosakan gigi dalam kalangan kanak-kanak.

Jadual 1. Saranan pengambilan gula.

Umur	Kalori RNI	Jumlah pengambilan gula (10%)	Gula tambahan (dalam gram)	Sukatan dalam sudu teh (5g=1 sudu teh)
Kanak-kanak todier dan pra sekolah (2-6 tahun)	1000-1200	<10%	<15g	3
Kanak-kanak (7-10 tahun)	1500-1600	<10%	<20g	4
Remaja (11-18 tahun)	1800-2000	<10%	25-40g	5-8
Dewasa (>18 tahun)	2000-2700	<10%	<50-65g	<10-13

Sumber: Kamaruddin (2019)

Trend ini boleh membawa kepada komplikasi kesihatan pada jangka masa yang panjang. Antara penyakit kesihatan adalah dikaitkan dengan berat badan berlebihan atau obesiti termasuklah hipertensi, kardiovaskular, penyakit kencing manis, kemurungan dan pelbagai jenis kanser. Selain itu, masyarakat juga tidak sedar bahawa gula juga wujud dalam sumber karbohidrat lain seperti beras, mi, roti dan kentang. Tidak kurang juga kandungan gula tersembunyi dalam banyak makanan yang diiklankan oleh syarikat besar sebagai sihat. Kurangnya ilmu pengetahuan tentang makanan berkhasiat telah menyebabkan mereka memilih makanan dan minuman yang mempunyai tahap gula yang tinggi. Jabatan Kastam Malaysia dalam satu kenyataan dikeluarkan pada 30 Jun 2019 mengumumkan bahawa import dan pembuatan minuman manis dikenakan duti eksais berkuatkuasa 1 Julai 2019. Secara rasmi cukai gula adalah dikenali sebagai Duti Eksais Minuman Manis. Kenyataan Jabatan Kastam juga menggariskan prosedur yang terlibat dalam pelaksanaan cukai eksais ke atas minuman manis. Langkah ini diambil disebabkan oleh peningkatan prevalens berat badan berlebihan dan obesiti. Masalah ini selari dengan kenaikan penyakit tidak berjangkit (NCD) termasuk penyakit koronari, jenis II diabetes mellitus, dan kanser. Bilangan pesakit dimasukkan ke hospital akibat diabetes di Semenanjung Malaysia telah meningkat sebanyak 56% dari tahun 1991 hingga 2001 (Lim et al., 2010). Penemuan daripada siri NHMS dan statistik negara WHO/IDF mendokumentasikan peningkatan prevalens diabetes mellitus di Malaysia. Persatuan Diabetes Malaysia melaporkan bahawa diabetes jenis II menyumbang 90% orang dewasa kes diabetes di negara ini dan sering dikaitkan dengan obesiti. Malah, masalah obesiti turut melibatkan golongan remaja dan kanak-kanak. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan kutipan cukai terhadap minuman manis bagi membendung masalah

pengambilan gula berlebihan dalam pemakanan harian. Kajian ini bertujuan mengenal pasti corak perbelanjaan makanan dan minuman bergula dalam kalangan mahasiswa. Mahasiswa adalah golongan remaja yang akan menjadi pelapis kepada pemimpin dan juga bakal memasuki pasaran buruh. Negara memerlukan bakal pemimpin dan pekerja yang sihat bagi menjaga produktiviti negara. Pada era ini terlalu banyak makanan dan minuman manis dipasaran sehingga dan menjadi bahan viral yang mendorong golongan remaja sanggup berbelanja lebih untuk mencubanya.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini telah menggunakan sumber data primer yang berasal dari sumber pertama iaitu soal selidik. Data asal yang diperolehi untuk menjawab persoalan kajian. Selain itu, kajian ini menggunakan jenis data kuantitatif yang berstruktur iaitu jenis data yang dapat diukur dan diterjemah dengan angka atau nombor. Di mana dalam kajian ini mengandungi 46 soalan dan terdiri daripada lima bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D seperti berikut (*Jadual 2*).

Jadual 2. Pembahagian soal selidik.

Kategori	Penerangan
A	Demografi responden
B	Corak perbelanjaan mahasiswa ke atas makanan dan minuman bergula
C	Faktor pembelian makanan dan minuman bergula
D	Kesan kenaikan cukai

Data dianalisis menggunakan Statistical Package (STATA). Analisis statistik deskriptif digunakan mengukur demografi responden, corak perbelanjaan dan peningkatan harga manakala faktor yang mempengaruhi pembelian mahasiswa dianalisis berdasarkan model regresi linear. Data sama ada dalam bentuk peratusan, frekuensi atau purata skor dan statistik tabulasi silang digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menganalisis corak perbelanjaan dan kemampuan berbelanja mahasiswa di IPTA. Kajian ini menggunakan Model regresi linear Berganda dan persamaan model ditunjukkan seperti berikut:

$$Y = a + \beta_1 (JAN) + \beta_2 (BGS) + \beta_3 (IPTA) + \beta_4 (THN) + \beta_5 (UMR) + \beta_7 (MHS) + \beta_8 (PNM) + \beta_9 (PEN) + \beta_{10} (JEN) + \beta_{11} (BGK) + \beta_{12} (IKL) + \beta_{13} (GAHI) + \beta_{14} (RS) + \beta_{15} (PGR)$$

Di mana, JAN ialah jantina; BGS ialah bangsa; IPTA ialah Institusi Pendidikan Tinggi Awam; THN ialah tahun; UMR ialah umur; MHS ialah mahasiswa; PNM ialah penempatan bandar atau di luar bandar; PEN ialah pendapatan; JEN ialah jenama; BGK ialah pembungkusan; IKL ialah pengiklanan; GAHI ialah gaya hidup; RS ialah rasa dan PGR ialah pengaruh rakan. Kajian ini dijalankan untuk mengumpul maklumat secara langsung daripada mahasiswa tentang pilihan makanan dan minuman bergula dan corak perbelanjaan mereka. Daripada maklumat yang dikumpul, faktor-faktor yang mempengaruhi pengambilan makanan dan minuman bergula dalam kalangan mahasiswa IPTA dapat ditentukan dan data menjadi asas untuk penyelidikan seterusnya. Saiz sampel bagi kajian ini akan ditentukan sendiri dengan menganggarkan saiz populasi sampel yang wujud. Populasi yang terlibat adalah pembeli makanan dan

minuman bergula dan sampel pula melibatkan pembeli dalam kalangan mahasiswa Universiti Awam (UA) di Malaysia. Antara Universiti yang terlibat ialah Universiti teknologi Mara (UITM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM).

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Kategori demografi responden dalam kajian terdiri daripada jantina, bangsa, tahun pengajian, umur, IPTA, mahasiswa, penempatan, negeri, pendapatan keluarga sebulan, sumber kewangan bulanan dan jumlah pendapatan (duit belanja) (*Jadual 3*). *Jadual 4* menunjukkan kekerapan seminggu pembelian ke atas minuman bergula merangkumi keenam enam kategori. Majoriti mahasiswa mengambil minuman bergula sekurang-kurangnya satu hingga dua kali sahaja seminggu bagi kategori air bancuh (65.72%), air tin (68.65%), air berkarbonat (63.77%), minuman bersusu (78.95%) dan minuman berjus (77.22%). Namun, kategori air kodial menunjukkan peratus tertinggi 16.14% pada kekerapan tiga hingga enam kali pembelian dalam seminggu. Kekerapan pembelian enam kali ke atas dalam seminggu dalam setiap kategori menunjukkan peratus terendah. Namun, hanya kategori air mineral sahaja jumlah kekerapan melebihi enam kali sebanyak 49.60% dalam seminggu. Merujuk *Jadual 5*, jumlah pembelian mahasiswa dalam seminggu (RM) ke atas minuman bergula tertinggi anggaran kurang daripada RM 10. Antara kategorinya ialah air bancuh (53.46%), air tin (81.08%), air berkarbonat (78.26%), minuman bersusu (76.84%), berjus (83.89%) dan air kodial (80%). Namun, air mineral juga boleh diperolehi di bawah harga RM 10 sahaja sebanyak (51.60) walaupun kekerapan yang tinggi. Hal ini kerana mahasiswa berbelanja ke atas minuman bergula mengikut keperluan sahaja dan perbelanjaan mereka seminggu hanya untuk keperluan asasi termasuk air mineral. Peratus terendah bagi minuman bergula pula pada perbelanjaan lebih daripada RM 31 ringgit seperti air bancuh (2.83%), air tin (1.62%), air bikarbonat (0.72%), minuman bersusu (0.70%) dan minuman berjus (0.56%). Manakala air kodial menunjukkan peratus terendah pada anggaran antara RM 21 hingga RM 30 dan RM 31 ke atas tiada responden atau 0%. Oleh itu, minuman bergula di Malaysia dianggap dalam paras harga yang berpatutan dan kategori air ini tidak menjejaskan perbelanjaan mereka setiap minggu dan bulan berikutnya.

Table 3. Demografi responden mahasiswa IPTA.

Kategori	Peratus (%)
Jantina	
Lelaki	40.84
Perempuan	59.16
Bangsa	
Melayu	63.87
Cina	20.68
India	15.45
Tahun pengajian	
1	17.54

2	32.98
3	25.13
4	24.35
Umur	
<20 tahun	19.63
21-25 tahun	77.75
26-30 tahun	2.62
IPTA	
UIAM	3.4
UITM	7.59
UKM	8.90
UM	6.81
UMK	3.40
UMP	2.88
UMS	2.62
UMT	2.36
UNIMAP	4.45
UNIMAS	2.62
UNISZA	3.93
UPNM	2.88
UPSI	4.97
USM	24.87
UTEM	3.66
UTHM	3.93
UTM	3.14
UUM	7.59
Mahasiswa	
Ijazah Sarjana Muda	90.05
Ijazah Sarjana	2.36
STPM/Sijil/Diploma/Setaraf	7.59
Penempatan	
Bandar	61.52
Luar bandar	38.48
Negeri	
Johor	6.54
Kedah	16.49
Kelantan	5.76
Melaka	3.66
Negeri Sembilan	1.57
Pahang	2.62
Perak	7.33
Perlis	3.66
Pulau Pinang	21.73
Putrajaya	6.81
Sabah	2.36
Sarawak	1.31
Selangor	8.90
Terengganu	5.24
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	6.02
Pendapatan keluarga sebulan	
<RM 4,850	38.48
RM4,851-RM10,970	53.40
>RM 10,971	8.12
Sumber kewangan bulanan	
Biasiswa	11.32
Ibu Bapa	30.24
Pinjaman	50.28
Sendiri	8.16
Jumlah pendapatan (DuitBelanja)	
<RM200	10.21
RM 201-RM500	66.75
RM 501-RM1000	20.68
>RM 1001	2.36

Table 4. *Kekerapan seminggu pembelian ke atas minuman bergula.*

Pembolehubah	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Air bancuh	1-2	65.72
	3-5	27.36
	>6	6.92
Air tin	1-2	68.65
	3-5	28.11

	>6	3.24
Air berkarbonat	1-2	63.77
	3-5	32.61
	>6	3.62
Minuman bersusu	1-2	78.95
	3-5	15.44
	>6	5.61
Berjus	1-2	77.22
	3-5	19.44
	>6	3.33
Air kodial	1-2	80
	3-5	16.14
	>6	3.86
Air mineral	1-2	17.24
	3-5	33.16
	>6	49.60

Table 5. Jumlah pembelian seminggu (RM) ke atas minuman bergula.

Pembolehkan	Jumlah pembelian	Peratusan (%)
Air bancuh	<RM 10	53.46
	RM 11-RM 20	33.33
	RM 21-RM 30	10.38
	>RM 31	2.83
Air tin	<RM 10	81.08
	RM 11-RM 20	15.68
	RM 21-RM 30	1.62
	>RM 31	1.62
Air berkarbonat	<RM 10	78.26
	RM 11-RM 20	18.84
	RM 21-RM 30	2.17
	>RM 31	0.72
Minuman bersusu	<RM 10	76.84
	RM 11-RM 20	19.30
	RM 21-RM 30	3.16
	>RM 31	0.70
Berjus	<RM 10	83.89
	RM 11-RM 20	12.78
	RM 21-RM 30	2.78
	>RM 31	0.56
Air kodial	<RM 10	80
	RM 11-RM 20	16.14
	RM 21-RM 30	3.86
	>RM 31	0
Air mineral	<RM 10	51.60
	RM 11-RM 20	44.41
	RM 21-RM 30	2.39
	>RM 31	2.39

Berdasarkan *Jadual 6* merupakan kekerapan seminggu pembelian ke atas makanan bergula merangkumi lima kategori. Majoriti mahasiswa mengambil makanan bergula sekurang-kurangnya satu hingga dua kali sahaja seminggu bagi kategori kuih muih (73.42%), makanan pastri (74.72%), coklat (73.98%), makanan ringan (80.21%) dan bijirin manis (88.43%). Kekerapan pembelian enam kali ke atas dalam seminggu dalam setiap kategori menunjukkan peratus terendah seperti kategori kuih muih (5.06%), makanan pastri (7.89%), coklat (5.10%), makanan ringan (7.07%) dan bijirin manis hanya (2.31%). Justeru, mahasiswa membuat pembelian antara satu hingga dua kali sahaja untuk seminggu dan kekerapan ini cukup untuk keperluan mereka. Merujuk *Jadual 7*, jumlah pembelian mahasiswa dalam seminggu (RM) ke atas makanan bergula tertinggi anggaran kurang daripada RM 10 sahaja bagi setiap kategori. Antara kategorinya ialah air kuih muih (83.23%), makanan pastri (45.03%), coklat (67.01%), makanan ringan (76.68%) dan bijirin manis (73.15%). Hal ini kerana mahasiswa berbelanja ke atas makanan bergula mengikut jumlah pendapatan mereka dan diperuntukkan untuk keperluan. Peratusan terendah bagi makanan bergula pula pada

perbelanjaan lebih daripada RM 31 ringgit seperti kuih muih (0.32%), makanan pastrri (5.24%), coklat (67.01%), makanan ringan (76.68%) dan bijirin manis (0.46%). Hampir kesemua kategori diikuti dengan perbelanjaan antara RM 11 hingga RM 20 kerana kategori makanan bergula biasa lebih mahal berbanding minuman bergula di mana harga lebih jauh murah. Tambahan pula, makanan pastrri atau coklat lebih mahal daripada kategori minuman. Walaupun perbelanjaan makanan bergula lebih mahal berbanding perbelanjaan dalam minuman namun mahasiswa masih mengawal kewangan mereka dengan memperuntukan hanya sedikit untuk kategori ini.

Table 6. Kekerapan seminggu pembelian ke atas makanan bergula.

Pembolehubah	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Kuih Muih	1-2	73.42
	3-5	21.52
	>6	5.06
Pastrri	1-2	74.74
	3-5	17.37
	>6	7.89
Coklat	1-2	73.98
	3-5	20.92
	>6	5.10
Makanan ringan	1-2	80.21
	3-5	12.72
	>6	7.07
Bijirin Manis	1-2	88.43
	3-5	9.26
	>6	2.31

Table 7. Jumlah pembelian seminggu (RM) ke atas makanan bergula.

Pembolehubah	Jumlah perbelanjaan	Peratusan (%)
Kuih Muih	<RM 10	83.23
	RM 11-RM 20	15.51
	RM 21-RM 30	0.95
	>RM 31	0.32
Pastrri	<RM 10	45.03
	RM 11-RM 20	39.79
	RM 21-RM 30	9.95
	>RM 31	5.24
Coklat	<RM 10	67.01
	RM 11-RM 20	28.93
	RM 21-RM 30	3.55
	>RM 31	0.51
Makanan ringan	<RM 10	76.68
	RM 11-RM 20	20.14
	RM 21-RM 30	2.47
	>RM 31	0.71
Bijirin Manis	<RM 10	73.15
	RM 11-RM 20	24.54
	RM 21-RM 30	1.85
	>RM 31	0.46

Analisis faktor yang mempengaruhi pembelian makanan dan minuman bergula dalam kalangan mahasiswa

Berdasarkan *Jadual 8*, bahagian ini telah dianalisis dari dua soalan membentuk berdasarkan kategori yang mempengaruhi pembelian mahasiswa ke atas makanan dan minuman bergula. Antara kategorinya ialah jenama, pembungkusan, promosi, mudah diperolehi, gaya hidup, rasa dan pengaruh rakan. Kategori jenama dari kedua-dua soalan, C1 dan C2 menunjukkan peratus tertinggi pada skala positif iaitu setuju (74.35%) dan sangat setuju (13.35%). Manakala peratus terendah soalan C1 dan C2 pada skala sangat tidak setuju hanya 1.31% dan 0.52%. Oleh itu, mahasiswa memberi respon positif bahawa jenama adalah faktor yang dapat mempengaruhi corak perbelanjaan mahasiswa

ke atas makanan dan minuman. Faktor seterusnya, majoriti mahasiswa bersetuju dengan pembungkusan soalan C3 sebanyak 65.18% daripada keseluruhan manakala C4 mencatatkan bilangan tertinggi pada skala sangat setuju sebanyak 50.52%. Kategori ini yang menunjukkan peratusan terendah adalah skala sangat tidak setuju dengan pernyataan C3 dan C4 dengan skala hanya 1.05% dan 0.26%. Pembungkusan adalah punca kepada pembelian makanan dan minuman bergula dalam kalangan mahasiswa. Faktor promosi bagi item soalan C5 menunjukkan mahasiswa lebih memilih setuju dengan 56.54% manakala skala sangat tidak setuju hanya 0.79%. Oleh yang demikian, mahasiswa akan berbelanja lebih ke atas makanan dan minuman bergula semasa promosi seperti “Buy1Free1”, 50% discount dan mega sales atau promosi besar-besaran. Seterusnya, peratusan tertinggi soalan C6 sebanyak 26.96% pada skala hanya neutral di mana seimbang kerana responden tidak memilih berat sebelah. Skala sangat tidak setuju seperti biasa yang terendah dengan 4.97%. Oleh yang demikian, peratusan memberi kesan positif ke atas pembelian makanan dan minuman bergula semasa di pasar raya.

Table 8. *Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelian.*

Domain	Item soalan	Skala likert	Peratusan (%)
Jenama	C1 Jenama memainkan peranan penting untuk menentukan pilihan saya berbelanja.	STS	1.31
		TS	3.40
		N	7.59
		S	74.35
		SS	13.35
	C2 Kepelbagaian jenama produk makanan dan minuman di pasaran menarik minat saya untuk mencuba.	STS	0.52
		TS	2.62
		N	7.85
		S	23.82
		SS	65.18
Pembungkusan	C3 Pembungkusan makanan dan minuman manis berjenama seperti starbucks, Bask Bear yang unik menarik minat saya untuk membeli.	STS	1.05
		TS	4.97
		N	14.66
		S	65.18
		SS	14.14
	C4 Pembungkusan yang kemas menunjukkan makanan dan minuman manis bersih.	STS	0.26
		TS	1.31
		N	11.78
		S	36.13
		SS	50.52
Promosi	C5 Promosi ‘Special Date/Deals pada tarikh yang ditentukan mempengaruhi pembelian saya.	STS	0.79
		TS	1.31
		N	10.99
		S	56.54
		SS	30.37
	C6 Peranan mempengaruhi (Influencer) mengiklankan sesuatu produk memberi pengaruh yang besar terhadap pembelian saya.	STS	4.97
		TS	16.49
		N	26.96
		S	25.65
		SS	25.92
Mudah diperolehi	C7 Pembayaran secara “cashless” memudahkan saya membuat pesanan makanan dan minuman manis secara atas talian.	STS	0.52
		TS	0.52
		N	13.35
		S	50.52
		SS	35.08
	C8 Lokasi penjualan makanan dan minuman manis yang strategik memudahkan saya untuk membuat pembelian.	STS	0.52
		TS	2.09
		N	15.72
		S	40.58
		SS	41.10
Gaya hidup	C9 Saya mengamalkan minuman dan makanan manis dalam kehidupan saya setiap hari.	STS	3.93
		TS	28.01
		N	31.94
		S	25.13
		SS	10.99
	C10 Minuman manis yang nampak mewah seperti starbucks dan	STS	9.42

	mengikut trend menyebabkan saya membuat pembelian.	TS	31.68
		N	28.01
		S	18.32
		SS	12.57
Rasa	C11 Makanan dan minuman yang manis adalah kegemaran saya disebabkan rasanya yang enak.	STS	3.40
		TS	21.99
		N	30.89
		S	31.41
		SS	12.30
	C12 Rasa manis di dalam makanan dan minuman memberi saya tenaga dan kepuasan.	STS	1.05
		TS	9.69
		N	30.10
		S	43.72
		SS	15.45
Pengaruh rakan	C13 Pengaruh rakan sebaya mendorong saya untuk membeli makanan dan minuman bergula.	STS	4.19
		TS	21.99
		N	28.53
		S	32.46
		SS	12.83
	C14 Rakan sebaya sering mengajak saya mencuba makanan viral di media sosial.	STS	5.24
		TS	16.75
		N	27.75
		S	31.41
		SS	18.85

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju; TS=Tidak Setuju; N=Neutral; S=Setuju; SS=Sangat Setuju.

Di samping itu, kategori mudah diperoleh soalan C7 iaitu pembayaran secara “cashless” pada skala setuju yang menunjukkan tertinggi (50.52%) dan ada juga mencatatkan peratus terendah skala sangat tidak setuju dan neutral hanya 0.26% dan 0.42% sahaja manakala C8 mengenai lokasi strategik dalam kategori mudah diperoleh juga menunjukkan peratus tertinggi 40.58% pada skala setuju oleh mahasiswa IPTA. yang merasakan faktor mudah diperoleh tidak mempengaruhi perbelanjaan mereka. Manakala yang terendah pada skala sangat tidak setuju iaitu 0.52%. Selain itu, faktor gaya hidup menunjukkan mahasiswa hanya neutral dengan pernyataan bagi item soalan C9 sebanyak 31.94% dan terendah di sangat tidak setuju iaitu 3.93%. Kemudian soalan C10 pada skala tidak setuju (31.68%) dan terendah pada sangat tidak setuju sebanyak 9.43%. Mahasiswa tidak merasakan gaya hidup sebagai punca mereka berbelanja ke atas makanan dan minuman bergula di mana lebih mengikut trend dan mengamalkan makanan manis setiap hari. Berbanding dengan faktor rasa yang majoriti mahasiswa bersetuju dengan pernyataan dalam C11 dan C12 sebanyak 31.41% dan 43.72%. Manakala mahasiswa yang menyatakan sangat tidak setuju hanya 3.40% dan 1.05% bagi soalan C11 dan C12. Rasa juga menunjukkan peratusan tidak melebihi separuh lagi kerana kemungkinan faktor rasa tidak mempengaruhi perbelanjaan bulannya. Faktor terakhir ialah pengaruh rakan seperti di dalam soalan C13 dan C14, mahasiswa memilih setuju sahaja dengan 32.46% dan 31.41%. Soalan C13 terendah pada skala sangat tidak setuju sebanyak 4.19% manakala C14 pada sangat tidak setuju juga iaitu 5.24%. an peratusan terendah pada skala sangat tidak setuju sebanyak 5.76%. Pengaruh rakan dikatakan tidak begitu mempengaruhi pembelian mereka ke atas makanan dan minuman bergula. Justeru, faktor yang mempengaruhi mahasiswa ialah pembungkusan, promosi, mudah diperoleh dan rasa manakala faktor pengaruh rakan, jenama hanya neutral dan tidak mempengaruhi langsung perbelanjaan mereka ialah gaya hidup mereka sebagai seorang mahasiswa.

Keputusan ujian Anova dalam *Jadual 9* menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kedua-dua pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar pada aras signifikan $p < 0.50$. Hasil F dikira dari pembolehubah tidak bersandar adalah

sebanyak 68.32 dan nilai signifikan atau p-value sebesar 0.0000. Oleh itu, pembolehubah Pembungkusan, Promosi, MudahDiperoleh, Gayahidup, Rasa, Pembungkusan dan Jenama mempengaruhi secara signifikan dengan keputusan pembelian makanan dan minuman bergula. Berdasarkan *Jadual 10*, regresi linear berganda adalah model faktor-faktor yang mempengaruhi pembelian makanan dan minuman seperti berikut:

$$Y(\text{Keputusan pembelian}) = -1.438143 + 0.0146043 \text{ Pembungkusan} + 0.0946043 \text{ Promosi} - 0.012258 \text{ MudahDiperoleh} + 0.0182529 \text{ Gayahidup} + 0.0954399 \text{ Rasa} + 0.1384731 \text{ Pembungkusan} + 0.0490045 \text{ Jenama}$$

Table 9. ANOVA.

Model		Sum of squares	Df	Mean square	f	Significant
1	Regression	44.8821411	7	6.41173444	68.32	.0000
	Residual	35.0969165	374	.093842023		
	Total	79.9790576	381	.209918786		

Table 10. Regresi linear.

Model		Coefficient	Std. Error	T	P> t
1	_Con	-1.438143	0.1420288	-10.13	0.000
	Pembungkusan	0.0146043	0.0294241	0.50	0.620
	Promosi	0.09426	0.0256485	3.68	0.000
	MudahDiperoleh	-0.012258	0.0239276	-0.51	0.609
	Gayahidup	0.182529	0.0223141	8.18	0.000
	Rasa	0.0954399	0.0234225	4.07	0.000
	Pengaruhkrakan	0.1384731	0.0174315	7.94	0.000
	Jenama	0.0490045	0.0305507	1.60	0.110
F(7,374)		68.32			
Prob>F		0.0000			
Adj. R-square		0.5530			

Jadual di atas menunjukkan Promosi, Gayahidup, Rasa dan Pengaruhkrakan signifikan mempengaruhi keputusan pembelian ke atas makanan dan minuman bergula. Hal ini kerana nilai-p untuk empat pembolehubah tersebut kurang daripada 0.05. Manakala pemolehubah pembungkusan, Mudah Diperoleh dan jenama adalah tidak signifikan kerana p-value lebih besar daripada 0.05. Seterusnya, Mudah Diperoleh memberi kesan negatif terhadap pembelian makanan dan minuman bergula. Hal ini kerana koefisien untuk MudahDiperoleh adalah -0.012258. Manakala, Pembungkusan, Promosi, Gayahidup, Rasa, Pembungkusan dan Jenama memberi kesan positif di mana masing masing (0.0146043, 0.09426, 0.182529, 0.0954399, 0.1384731 dan 0.0490045). Pemolehubah ini mempengaruhi pembelian makanan dan minuman bergula dalam kajian ini. Nilai F statistik sebanyak 68.32 dengan nilai keberangkalian $0.0000 < 0.05$. Oleh itu, H1 diterima di mana Promosi, Gayahidup, Rasa dan Pengaruhkrakan mempengaruhi keputusan pembelian ke atas makanan dan minuman bergula. “Adjusted R-squared” menunjukkan nilai sebanyak 55.3% keputusan pembelian yang dijelaskan oleh pemolehubah Pembungkusan, Promosi, MudahDiperoleh, Gayahidup, Rasa, Pembungkusan dan Jenama manakala selebihnya ($100\% - 55.3\% = 44.7\%$) dijelaskan oleh pemolehubah yang lain diluar model kajian.

Mengkaji tindakan pengguna terhadap kenaikan cukai yang dikenakan kepada prngguna

Merujuk *Jadual 11*, merupakan kesan perlaksanaan cukai terhadap makanan dan minuman bergula. Bagi soalan D1 iaitu “Apakah yang anda akan lakukan jika kerajaan

melaksanakan pengutipan cukai sebanyak 0.40 sen/liter terhadap makanan dan minuman bergula”, majoriti mahasiswa (68.06%) menjawab tiada kesan langsung jika kerajaan mengenakan cukai sebanyak 0.40 sen/liter. Hal ini kerana cukai yang dikenakan adalah rendah dan mahasiswa masih mampu membuat pembelian makanan dan minuman bergula. Manakala, soalan di D2 sebanyak 61.78% mahasiswa telah memilih untuk beralih kepada minuman tanpa gula apabila kerajaan meningkatkan cukai kepada RM1.00/liter. Hal ini kerana apabila berlakunya kenaikan cukai, harga terhadap makanan dan minuman bergula juga meningkat dan perkara ini menyebabkan mahasiswa beralih kepada minuman tanpa gula. Seterusnya, apabila kerajaan terus meningkatkan cukai terhadap makanan dan minuman manis kepada RM 2.00/liter (D3), sebanyak 73.82% mahasiswa memilih untuk mengurangkan pengambilan makanan dan minuman bergula. Hal ini kerana mahasiswa memerlukan gula dalam kehidupan seharian mereka dan ini akan menyebabkan mahasiswa membuat pembelian terhadap makanan dan minuman walaupun cukai yang dikenakan semakin meningkat. Bagi soalan di D4 iaitu “Adakah anda menyokong atau menentang cukai ke atas makanan dan minuman manis?” majoriti mahasiswa (50.79%) menyokong pelaksanaan cukai terhadap makanan dan minuman manis. Oleh itu, pelaksanaan cukai yang telah dikenakan oleh kerajaan terhadap makanan dan minuman manis sangat berkesan untuk mengurangkan pembelian mahasiswa terhadap makanan dan minuman tersebut.

Table 11. Kesan pelaksanaan cukai makanan dan minuman bergula.

Pembolehkan	Kesan	Peratusan (%)
D1. Apakah yang anda akan lakukan jika kerajaan melaksanakan pengutipan cukai sebanyak 0.40 sen/ liter terhadap makanan dan minuman bergula.	Tiada kesan langsung	68.06
	Beralih kepada minuman tanpa gula	8.90
	Mengurangkan pengambilan makanan dan minuman bergula	23.04
D2. Apakah tindakan anda jika kerajaan meningkatkan lagi cukai terhadap makanan dan minuman bergula kepada RM 1.00/ liter.	Tiada kesan langsung	7.85
	Beralih kepada minuman tanpa gula	61.78
	Mengurangkan pengambilan makanan dan minuman bergula	30.37
D3. Kerajaan terus meningkatkan cukai terhadap makanan dan minuman manis kepada RM 2.00/ liter, adakah ia memberi kesan terhadap pembelian anda	Tiada kesan langsung	3.93
	Beralih kepada minuman tanpa gula	22.25
	Mengurangkan pengambilan makanan dan minuman bergula	73.82
D4. Adakah anda menyokong atau menentang cukai ke atas makanan dan minuman manis?	Sangat menyokong	31.68
	Menyokong	50.79
	Tidak menyokong	13.87
	Sangat tidak menyokong	3.66

Kesimpulan

Mahasiswa IPTA merupakan golongan yang sering mendapat perhatian kerana perbelanjaan mereka terhad semasa di Universiti. Kebanyakan daripada mereka melanjutkan pengajian dalam sepenuh masa. Oleh sebab itu, sebahagian daripada sumber pendapatan dan perbelanjaan mereka secara bulanan dapat dilihat dalam komposisi makanan dan minuman harian. Kajian ini berjaya melihat bagaimana corak perbelanjaan mahasiswa ini ke atas makanan dan minuman bergula secara mingguan. Dapatan mendapati mahasiswa tidak berjaya berbelanja dengan baik bagi komponen air bancuh menunjukkan peratusan tertinggi pengambilannya harian mereka yang memberi kesan kesihatan pada jangka masa panjang. Kemudian, faktor Promosi, Gaya hidup, Rasa dan Pengaruh rakan menunjukkan nilai signifikan, p-value kurang 0.005 mempengaruhi keputusan pembelian ke atas makanan dan minuman bergula. Jelaslah bahawa gaya hidup sememangnya mempengaruhi pengambilan mahasiswa ke atas

makanan dan minuman bergula. Oleh yang demikian, kesan cukai dilihat separuh mahasiswa sendiri menyokong pelaksanaan kerajaan dalam mengurangkan jumlah pesakit diabetes dan obesiti di Malaysia. Walaubagaimanapun, pelaksanaan cukai kadar 40/sen seliter tidak memberi kesan langsung kepada mereka sendiri.

Penghargaan

Kajian penyelidikan ini dibiayai oleh Grant Penyelidikan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi bagi Fundamental Research Grant Skim dengan kod projek: FRGS/1/2020/SSO/USM/02/29.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana- mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abdullah, M.A., Ali, N. (2011): Amalan pemakanan dalam kalangan pelajar universiti dan implikasinya terhadap pembelajaran. – *Jurnal Personalia Pelajar* 10p.
- [2] Greenberger, E., Steinberg, L. (1986): When teenagers work: The psychological and social costs of adolescent employment. – *Basic Books* 275p.
- [3] Kamaruddin, F. (2019): Pengambilan gula dan kesihatan pergigian. – *MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia Web Portal* 6p.
- [4] Lim, C.J., Shahar, S., Yahya, H.M., Teh, S.C., NS, M.N., Lim, H.C., MF, M.Z., Sallehuddin, D. and Mukhsan, N. (2010): Level of nutritional knowledge and health awareness among diabetes mellitus patients at Cheras Health Clinic, Kuala Lumpur, Malaysia. [Tahap pengetahuan pemakanan dan kesedaran kesihatan di kalangan pesakit diabetes mellitus di Klinik Kesihatan, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia]. – *Sains Malaysiana* 39(3): 505-511.
- [5] Mahmood, W.N.W. (2017): The sugary added food and beverages consumption and its association with the nutritional status of children age 10-11 years old in Kota Bharu, Kelantan. – *Universiti Sains Malaysia* 103p.
- [6] Norimah Jr, A.K., Safiah, M., Jamal, K., Haslinda, S., Zuhaida, H., Rohida, S., Fatimah, S., Norazlin, S., Poh, B.K., Kandiah, M. and Zalilah, M.S. (2008): Food Consumption Patterns: Findings from the Malaysian Adult Nutrition Survey (MANS). – *Malaysian Journal of Nutrition* 14(1): 25-39.
- [7] Ramlan, W.K., Nga, J.L., Idris, R., Jinideh, D.D.J. (2018): Corak Perbelanjaan dan Kemampuan Berbelanja Golongan Belia Malaysia. – *Malaysian Journal of Youth Studies* 18: 7-28.
- [8] Sabri, B., Zainuddin, N.A., Manusia, F.E. (2018): Kos Sara Hidup Mahasiswa UPM. – *Jurnal Pengguna Malaysia* 19p.